

# Petronas diarah mansuh cagaran RM15,000 stesen minyak mini

**K**UALA LUMPUR: Petronas Dagangan Berhad diarah memansuhkan serta-merta cagaran RM15,000 yang dikenakan terhadap pengusaha stesen minyak mini di seluruh negara sejak 1 Januari lalu.

Arahan itu dikeluarkan berikutan syarat berkenaan membebaskan pengusaha terbabit sehingga ramai dilaporkan terpaksa menghentikan operasi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata pihaknya menerima aduan ramai pengusaha terbabit yang tidak setuju dengan syarat berkenaan kerana margin keuntungan stesen mini terlalu kecil.

Berikutan itu, katanya, beliau mengadakan pertemuan dengan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Ketua Pegawai Eksekutif yang juga Pengarah Urusan Petronas Dagangan, Ibrahim Marsidi, minggu lalu, bagi membincangkan perkara berkenaan.

"Kita memutuskan supaya syarat itu dimansuhkan serta-merta dan pada dasarnya, Petronas Dagangan juga bersetuju berbuat demikian.

"Jika ada pengusaha stesen mini yang menghadapi masalah lagi berkaitan cagaran itu, mereka boleh mengemukakan aduan rasmi kepada saya atau beberapa saluran yang disediakan kementerian," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sehingga Ogos tahun lalu, 652 stesen mini beroperasi di seluruh negara yang membekalkan petrol dan diesel secara kecil-kecilan untuk penduduk luar bandar.

Isu itu timbul apabila kerajaan menarik balik lesen PDA7, iaitu lesen mengedar petroleum yang dikeluarkan untuk syarikat serta surat pembatalan 10 November lalu dengan menyebut Petronas Dagangan mengambil alih bekalan luar bandar termasuk stesen yang bernaung di bawah syarikat pemegang lesen PDA7.

Langkah itu bagi membanteras ke-

giatan penyeludupan dan penjualan bahan api pada harga subsidi kepada pihak yang tidak sepatut menerimanya hingga menyebabkan kerajaan kerugian beratus-ratus juta ringgit setahun.

Shafie bagaimanapun berkata, Petronas Dagangan tidak perlu menggunakan cagaran kerana stesen mini sudah lama beroperasi secara kecil-kecilan manakala pendapatan yang sederhana menyebabkan pengusaha kurang berkemampuan.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kementerian berkenaan, Raja Ismail Raja Mohamed, ketika dihubungi berkata pihaknya juga menerima banyak aduan mengenai tindakan Petronas Dagangan yang gagal menyalurkan bekalan minyak kepada pengusaha stesen mini.

Berikutan itu, katanya, 15 stesen mini di Selangor dan Perak menghentikan operasi semalam kerana ketiadaan bekalan.

"Lebih mendukacitakan apabila kebanyakan pegawai syarikat minyak berkenaan mendakwa bekalan tidak dapat dihantar kerana gagal menghubungi pengusaha terbabit," katanya.

Oleh Norfatimah Ahmad

## FAKTA NOMBOR

# 652

Jumlah stesen minyak mini di seluruh negara

# 15

Stesen henti operasi kerana putus bekalan